

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA**

**TARIKH : 10 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan mengenai cadangan menjadikan tanah sawah padi di Kedah sebagai sebahagian daripada *Ecological Fiscal Transfer*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) merupakan satu bentuk insentif kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek berkaitan perlindungan dan pemuliharaan biodiversiti dan hutan. Ia merangkumi kawasan-kawasan daratan (*terrestrial*), air daratan, pesisir pantai dan marin yang diwartakan dan diuruskan bagi tujuan konservasi seperti kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Perlindungan, Rizab Hidupan Liar (RHL), kawasan perlindungan marin (*marine protected area*), Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), kawasan berkepentingan antarabangsa dan ekosistem yang mudah terjejas (*vulnerable*).
2. Tanah sawah padi tidak termasuk di dalam skop perlindungan dan pemuliharaan biodiversiti dan hutan di bawah EFT.

Sekian, terima kasih.